

B514

MAHATHIR - PERUTUSAN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 8.30 MALAM INI.)

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGGESA SETIAP INDIVIDU DAN GOLONGAN RAKYAT MENJADIKAN DEKAD LAPAN-PULUHAN SEBAGAI DEKAD UNTUK GIGIH BERUSAHA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN MEREKA DAN DAYA PENGELUARAN SEMUA SEKTOR DAN AKTIVITI EKONOMI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEKAD LAPAN-PULUHAN HENDAKLAH DIJADIKAN DEKAD MENUKAR SIKAP DARIPADA MEMBERI KEUTAMAAN TERHADAP DIRI SENDIRI KEPADA SIKAP MEMBERI KEUTAMAAN TERHADAP AGAMA, BANGSA DAN TANAHARI.

BELIAU MEMBUAT GESAN ITU DALAM PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA SEMPENA MENYAMBUUT HARI KEBANGSAAN ESOK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT HENDAKLAH SEDAR SEGALA SUMBER--TENAGA, MASA, FIKIRAN DAN MODAL-- PERLU DIGUNAKAN SEPENUH-NYA BAGI MENGGERAKKAN NEGARA KE TAHAP PEMBANGUNAN YANG LEBIH TINGGI LAGI.

TIDAK SESIAPAPUN YANG DAPAT MENOLONG MEREKA YANG TIDAK BERUSAHA DENGAN JUJUR MENGGUNAKAN TENAGA, MASA, FIKIRAN DAN MODAL BAGI KEBAIKAN DIRINYA, TAMBAH BELIAU.--BERSAMBUNG 1322/HM

B515

MAHATHIR-PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

WALAUPUN KERAJAAN TELAH, SEDANG DAN AKAN BERUSAHA BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT MEMAJUKAN DIRI DAN MEMPERBAIKI KEHIDUPAN MEREKA, FAEDAH-FAEDAH PEMBANGUNAN TIDAK MUNGKIN DAPAT DINIKMATI SEPENUHNYA OLEH MEREKA YANG TIDAK BERSEEDIA UNTU MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER YANG DISEDIAKAN ITU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KEMAJUAN EKONOMI TIDAK MEMPUNYAI ERTI SEKIRANYA RAKYAT TERUMBANG-AMBIING TANPA PANDUAN HIDUP YANG MULA DAN KEPERIBADIAN YANG TINGGI.

TEGAS BELIAU KEDUA-DUA ASPEK KEBENDAAN DAN KEROHANIAN YANG BEGITU ERAT HUBUNGANNYA TIDAK HARUS TERPISAH DALAM PEMBANGUNAN NEGARA KERANA PERSEIMBANGAN ANTARA KEDUANYA AKAN MENJADIKAN RAKYAT SEBAGAI SATU BANGSA YANG KUAT.

DATUK SERI. MAHATHIR BERKATA KETIKA MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN INI, MEREKA SEBAGAI RAKYAT YANG INSAF DAN BERTANGGUNGJAWAB, HENDAKLAH MEMPERKUKUHKAN TEKAD DAN AZAM BUKAN SAHAJA UNTUK MENGISI KEMERDEKAAN TETAPI JUGA UNTUK MEMELIHARANYA BAGI MEREKA DAN BAGI GENARASI AKAN DATANG.

+UNTUK MAKSUD INI, KITA PERLU MEMPUNYAI SEMANGAT CINTAKAN NEGARA DAN KESANGGUPAN SERTA KEMAMPUAN MEMPERTAHANKANNYA WALAUPUN DENGAN NYAWA,+ TEGASNYA.—BERSAMBUNG 1330/HM

B510

MAHATHIR—PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA HARI KEBANGSAAN HARUSLAH MEMBERI RASA KEINSAFAN YANG MENDALAM KEPADA RAKYAT TERHADAP SEGALA RUPA DAN BENTUK PENGORBANAN DAN SUMBANGAN PEJUANG—PEJUANG KEBANGSAAN, NEGARAWAN—NEGARAWAN, TOKOH—TOKOH DAN RAKYAT SEKELIAN DALAM MEMLIHARA KEDAULATAN SERTA MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN KEMAJUAN RAKYAT DAN NEGARA.

SAMBIL SENTIASA MENGINSAFI SEJARAH SUKA—DUKA YANG DILALUI, RAKYAT PERLU SENTIASA MEMPUNYAI PANDANGAN YANG JELAS TENTANG MASA DEPAN YANG MEREKA INGIN YANG PENUH KESEJAHTERAAN, KEMAKMUARAN, KEMAJUAN DAN KEHARMONIAN.

PANDANGAN ITU YANG MERUPAKAN HASRAT RAKYAT ADALAH MENJADI TUJUAN DASAR—DASAR KERAJAAN DAN PERHATIAN SERTA TENAGA SENTIASA DITUMPUKAN UNTUK MENJAKIN PENCAPAIANNYA, TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP RAKYAT MEMPUNYAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG KHUSUS DAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA DAN MESTILAH MELAKSANAKANNYA DENGAN TEKUN, JUJUR DAN DISIPLIN.

+INSYA—ALLAH JIKA KITA SEMUA MENJALANKAN TUGAS KITA DENGAN SEMPURNA, TIDAK AKAN ADA ORANG LAIN YANG TIDAK MENJALANKAN TUGAS. SEBALIKNYA, JIKA KITA MENANTI—NANTIKAN ORANG LAIN, MAKA TIADA SI—APAPUN YANG MENGOREK LANGKAH PERTAMA,+ KATA BELIAU.—BERSAMBUNG 1335/HM

B524

MAHATHIR—PERUTUSAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DALAM PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN, PRESIDEN MIC DATUK S. SAMY VELLU BERKATA PELANCARAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT APRIL LALU DAN PEMBENTUKAN KERAJAAN BARU MERUPAKAN LEMBARAN BARU DI DALAM SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN INI.

BELIAU YANG JUGA MENTERI KERJARAYA DAN KEMUDAHAN AWAM, BERKATA PERALIHAN KEPIMPINAN KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BULAN LALU BERLAKU DENGAN LICIN DAN DITERIMA OLEH SELURUH RAKYAT.

KATANYA, RAKYAT MELAYSIA BERBANGGA DENGAN TRADISI PERALIHAN KEPIMPINAN YANG UNIK YANG JARANG—JARANG BERLAKU DI NEGARA—NEGARA LAIN.

DATUK SAMY VELLU BERKATA MALAYSIA KINI MENJADI NEGARA CONTOH BAGI BERBAGAI PERKARA TERMASUK PERUBAHAN KEPIMPINAN YANG LICIN. MENURUTNYA, PEMIMPIN—PEMIMPIN NEGARA MASA LALU TELAH MENYUMBANGKAN TITIK—PELUH MEREKA MENERGAKAN SEBUAH NEGARA BERCORAK DEMOKRASI.

OLEH ITU RAKYAT PERLU MEMBERI SUMBANGAN YANG SAMA DENGAN SECARA SUKARELA MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH DAN MENGUNDI APABILA SAMPAI MASANYA BAGI MEMPERTAHAKAN KONSEP DEMOKRASI ITU.—BERSAMBUNG 1540/HM